

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN ZUBAIDAH BINTI MOHAIDIN
TOKOH GURU INOVATIF

OLEH:

CHE NORLYHAWA BINTI CHE WISLY 2018222054

NURUL HASHIMAH BINTI MOHD ROSLI 2018641356

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT2020 – FEB2021)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Bersyukur kami kehadiran ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kami menyempurnakan transkrip wawancara ini dengan sempurna serta mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

Pertama sekali, kami ingin mengalungkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Nurulannisa binti Abdullah selaku pensyarah bagi matapelajaran Pendokumentasian Sejarah Lisan. Beliau telah banyak membantu dan membimbing serta memberi tunjuk ajar kepada kami sepanjang tempoh menyiapkan tugas ini.

Tidak lupa juga, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Puan Zubaidah binti Mohaidin, seorang guru dari SK Permatang Badak. Kesudian beliau untuk turut serta dalam wawancara bagi berkongsi ilmu dan pengalaman dalam dunia pendidikan amat kami hargai.

Ribuan terima kasih juga kepada rakan-rakan kami yang banyak berkongsi maklumat-maklumat yang berguna bagi menyiapkan transkrip ini. Segala perkongsian dan pertolongan rakan-rakan semua telah banyak membantu kami bagi menyempurnakan tugas yang telah diberi. Terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses menyiapkan transkrip ini.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini dijalankan bersama seorang tokoh pendidikan iaitu Puan Zubaidah binti Mohaidin yang berkhidmat sebagai guru prasekolah di Sekolah Kebangsaan Permatang Badak, Kuantan. Puan Zubaidah telah berkhidmat di SK Permatang Badak selama 27 tahun. Minat yang mendalam terhadap kerjayanya telah mencetuskan idea kepada beliau untuk menghasilkan NIBT (Nyanyi, Ingat, Baca, Tulis) untuk murid prasekolah dan tadika. Kaedah NIBT telah diperkenalkan sejak tahun 2005. Kaedah NIBT ini telah meningkatkan kemahiran literasi murid serta membolehkan mereka membaca dan menulis dengan baik dalam tempoh tiga bulan. Puan Zubaidah telah dinobatkan sebagai naib juara guru inovatif peringkat kebangsaan 2014 melalui inovasi yang dihasilkan oleh beliau. Pada tahun 2016 pula, beliau telah dinobatkan sebagai pemenang cabaran inovasi zon Pantai Timur kategori awam. Seterusnya, beliau telah ditemu ramah mengenai penghasilan NIBT dan kisah beliau telah dimuatkan dalam akhbar pada bulan April 2016. Selain itu, Puan Zubaidah telah menghasilkan tiga inovasi iaitu NIBT, NIBT Jawi dan NIBT Sayangku yang digunakan untuk kanak-kanak sekolah dan pemulihan. Penghasilan NIBT oleh Puan Zubaidah telah mengangkat beliau sebagai ikon guru inovatif pada tahun 2018. Sepanjang bergelar guru prasekolah, pelbagai cabaran dan rintangan yang dihadapi oleh beliau untuk membentuk murid yang cemerlang. Perjalanan hidup dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada masyarakat khususnya kepada guru-guru di Malaysia.*

Kata kunci: *tokoh guru, prasekolah, inovasi pendidikan, kreativiti, guru cemerlang*

Abstract: *This interview was conducted with an educational figure, Mrs. Zubaidah binti Mohaidin who served as a preschool teacher at Sekolah Kebangsaan Permatang Badak, Kuantan. Mrs. Zubaidah has served at SK Permatang Badak for 27 years. Her deep interest in her career has sparked the idea for her to produce NIBT (Singing, Remember, Read, Write) for preschool and kindergarten students. The NIBT method has been introduced since 2005. This NIBT method has improved students' literacy skills and enabled them to read and write well within three months. Mrs. Zubaidah has been named the 2014 national level innovative teacher runner-up through the innovations she has produced. In 2016, she was crowned the winner of the East Coast zone zone innovation challenge in the public category. Next, she was interviewed about the production of NIBT and her story was published in the press in April 2016. In addition, Mrs. Zubaidah has produced three innovations namely NIBT, NIBT Jawi and NIBT Sayangku used for school children and rehabilitation. The production of NIBT by Mrs. Zubaidah has elevated her as an innovative teacher icon in 2018. During her tenure as a preschool teacher, various challenges and obstacles she faced to form excellent students. Her life and career journey can be a source of inspiration to the community, especially to teachers in Malaysia.*

Keywords: *teacher, preschool, educational innovation, creativity, excellent teacher*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i-ii
Abstrak.....	iii-v
Isi Kandungan.....	vi-vii
Biodata Tokoh.....	viii-ix
Pengenalan.....	x-xii
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Diri Dan Keluarga.....	01-04
Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan.....	04-05
Bahagian 3: Pengalaman Dalam Kerjaya.....	06-08
Bahagian 4: Sumbangan.....	09-17
Bahagian 5: Cadangan.....	18-19
Bahagian 6: Harapan.....	20-26
Rujukan.....	27
Lampiran	
Log Wawancara.....	28-34
Diari Kajian.....	35-36
Surat Perjanjian Sejarah Lisan.....	37
Gambar.....	38
Indeks.....	39-40

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama	Zubaidah Bt Mohaidin
Nama panggilan	Cikgu Zubaidah
Umur	
Tarikh lahir	
Tempat lahir	Dungun, Terengganu
Jawatan	Guru Prasekolah (PPP DG44)

Tahun	Anugerah
2018	Tokoh Guru Inovatif Pahang
2005, 2012, 2014, 2019	Johan Guru Inovatif Pahang
2000, 2009, 2016	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
2017	Ikon Guru Pahang
2017	Guru Bestari peringkat daerah
2018	Anugerah Permata Prasekolah
2012, 2013, 2015	Anugerah Jasa Bakti
2010	Anugerah Guru Cemerlang
2017, 2019	Finalis Anugerah Princess Maha Chakri Peringkat Antarabangsa
2011	Anugerah Mutiara Prasekolah Peringkat Negeri

PENGENALAN

PENGENALAN

Pendidikan boleh didefinisikan sebagai satu proses yang merangkumi pelbagai aktiviti yang dirancang khusus untuk pembangunan masyarakat. Memupuk, mengekal dan mewarisi nilai-nilai tradisi masyarakat merupakan salah satu fungsi konservatif pendidikan. Justeru, pendidikan mestilah di uruskan oleh pihak yang bertanggungjawab dan berkemahiran agar dapat menghasilkan kepimpinan yang berkualiti tinggi dan kukuh.

Objektif bagi system pendidikan Negara Malaysia adalah untuk mengurangkan kadar buta huruf dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, kerajaan telah banyak membuat pindaan system pendidikan kita, dengan harapan dapat melahirkan lebih ramai orang sastera. Malangnya, masih ada sebilangan pelajar yang masih lemah dalam menguasai 3 kemahiran asas, iaitu membaca, menulis dan mengira. Tahap pencapaian pelajar-pelajar ini berada pada tahap yang diperlukan iaitu, tidak ada subjek yang lulus depringkat sekolah menengah rendah.

Dalam hal ini, tokoh pendidikan adalah insan yang telah memberikan sumbangan besar kepada negara terutama dalam bidang pendidikan serta dapat dijadikan contoh buat generasi sekarang mahupun yang akan datang. Kejayaan dan sumbangan yang telah dicapai boleh dijadikan sumber motivasi buat semua masyarakat. Dedikasi dan keletihan mereka yang telah dicurahkan demi membangunkan negara kita ini harus diambil sebagai pelajaran dan dihargai oleh setiap warga Negara.

Oleh itu, guru-guru harus kreatif dalam memainkan peranan penting untuk meningkatkan prestasos anak-anak pelajar. Dalam kes jika seorang pelajar kurang Berjaya dalam sesuatu perkara, bukan bererti dia tidak boleh menguasai bidang lain. Kegagalan adalah sebahagian daripada pembelajaran. Namun, kecerdasan bukanlah perkara semulajadi dan berkekalan bagi kanak-kanak. Seterusnya, anda juga dapat mencapai matlamat anda dengan cara yang lebih kreatif.

Menurut dasar pendidikan Malaysia, anak-anak yang telah menjangkau umur 7 tahun haruslah mendapat pendidikan di sekolah. Justeru, pihak bertanggungjawab telah mengambil beberapa tindakan yang efektif dalam memastikan tiada pelajar yang tercicir dan mempunyai paling kurang 11 tahun pendidikan. Kerajaan juga berusaha untuk meningkatkan tahap kualiti pendidikan rendah dan juga sekolah menengah.

Justeru, transformasi pendidikan boleh dicapai dengan memperluaskan akses ke pendidikan prasekolah berkualiti tinggi dan berpatutan. Pendidikan awal kanak-kanak boleh dikatakan pendidikan yang kurang formal iaitu kaedah belajar sambil bermain. Jadi, pendidikan awal akan diberikan kepada anak-anak berumur 4 hingga 6 tahun sekaligus dapat melahirkan sekumpulan anak-anak yang cemerlang.

Di negara Malaysia, pendidikan prasekolah atau pendidikan awal kanak-kanak merupakan akar pendidikan yang sangat penting. Pendidikan ini adalah pendidikan tahap awal dalam pengembangan kehidupan seorang kanak-kanak setelah pendidikan dari keluarga. Ia amat sesuai untuk dijadikan permulaan benih cinta akan ilmu pengetahuan. Justeru, guru-guru yang dipilih mestilah mempunyai ilmu pengetahuan yang mencukupi serta pengalaman yang luas tentang pendidikan awal kanak-kanak.

Antara tokoh yang sesuai dijadikan sumber inspirasi kepada masyarakat dalam bidang pendidikan terutama dalam bidang pendidikan prasekolah ialah Puan Zubaidah Bt Mohaidin. Beliau merupakan seorang guru prasekolah yang berkhidmat di SK Permatang Badak di Kuantan Pahang. Sepanjang perkhidmatan, beliau telah memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan prasekolah dan beliau juga telah banyak mengharumkan nama sekolah sehingga ke peringkat antarabangsa. Masyarakat setempat dan bakal tenaga pengajar seharusnya mencontohi keperibadian tokoh ini dalam menyumbang bakti kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang pendidikan. Bersama-sama kami ialah Puan Zubaidah Bt Mohaidin yang bertugas sebagai guru prasekolah di SK Permatang Badak, Kuantan Pahang. Temubual ini dikendalikan oleh Nurul Hashimah dan Che Norlyhawa. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

BPG : Bahagian Pendidikan Guru

BI : Bahasa Inggeris

CZ : Cikgu Zubaidah

HM : Hashimah

HW : Hawa

JPN : Jabatan Pendidikan Negeri

KSPK : Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan

NIBT : Nyanyi Ingat Baca Tulis

PPD : Pejabat Pendidikan Daerah

PPM : Pembantu Pengurusan Murid

PR : *Parent Relationship*

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG DIRI DAN KELUARGA

HW : Sebagai permulaan, boleh puan ceritakan tentang latarbelakang diri puan dan keluarga puan secara terperinci?

CZ : Bismillahirrahmanirahim.. Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kerana telah memilih cikgu untuk dijadikan sebagai tokoh ya, dalam kerja kursus Nurul Hashimah dan Nor Hawa.. Betul ke nama *tu* [itu]?

HW : Norlyhawa, puan...

CZ : Jadi saya cikgu Zubaidah Binti Mohaidin berasal dari Terengganu, dibesarkan di Kuantan, Pahang. Dilahirkan pada tahun dan kini telah pun berusia lebih kurang tahun. Manakala suami saya pula bernama dan beliau *ni* [ini] berasal daripada Pahang ya, *okay* [baiklah] anak Pahang jati dan beliau berusia lebih kurang 58 tahun ya. Menyentuh tentang anak pula ya. Saya mempunyai orang anak. orang anak, lelaki dan seorang perempuan. Yang mana anak saya yang sulung ya telahpun mendirikan rumah tangga dan mempunyai orang anak. Anak saya yang orang lagi *tu* [itu] masih lagi menuntut di Institut Pengajian Tinggi dalam bidang masing-masing lah. *Ye* [ya] ok itu sahaja.

HM : Boleh saya tahu tarikh lahir puan?

CZ : Tarikh lahir haribulan haribulan *ye* [ya]

HM : Puan ada berapa bilangan adik beradik dan anak keberapa kalau boleh saya tahu?

CZ : Saya ada orang adik beradik dan saya anak yang

HW : Puan, boleh saya tahu apa prinsip hidup puan?

CZ : Prinsip hidup saya ya? Buat sesuatu tu dengan yang terbaiklah. *Ye* [ya], buat sesuatu yang apa yang kita nak buat *tu* [itu] lakukan dengan ikhlas, jujur *ye* [ya] dan buat yang terbaik dan jangan pula kita rasa kita yang terbaik. Ha itu saya punya prinsiplah *ye* [ya].

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

HM : Kita beralih ke latarbelakang pendidikan puan. Jika puan tidak keberatan boleh puan terangkan tentang latar belakang puan dari peringkat sekolah rendah hingga ke universiti?

CZ : *Okey* [Baiklah]. Saya mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Pusat Dungun. Dungun *ni* [ini] di Terengganu lah *ye* [ya]. Jadi di sekolah *ni* [ini] saya berada selama 2 tahun *ye* [ya], darjah 1 dan darjah 2. Ha masa *tu* [itu] tahun 1976 saya mula bersekolah dan tahun 78 (1978). 79 (1979) saya mula berpindah ke Kuantan, Pahang *ye* [ya]. Jadi di Kuantan, saya disekolahkan di SK Teruntum *ye* [ya] SK Teruntum dan saya berada di sekolah *ni* [ini] dari darjah 3 sehinggalah darjah 6 *ye* [ya] daripada tahun 79 (1979) hingga ke 81 (1981), darjah 6 *ye* [ya]. Jadi, seterusnya saya ke sekolah menengah. Sekolah Menengah Air Putih masih di Kuantan pada tahun 82 (1982) sehingga 86 (1986). Daripada tingkatan 1 sehingga tingkatan 5 *ye* [ya] di Sekolah Menengah Air Putih dan saya sambung ke tingkatan 6 *ye* di SM Abdul Rahman Talib. Masih di Kuantan lah *ye* [ya]. Dan dalam masa saya

sambung tu saya berpeluang untuk menyambung pelajaran saya ke Maktab Perguruan Kuala Terengganu, Batu Rakit pada tahun 1991 sehingga 1993. Jadi disitu saya belajar lah bagaimana ingin menjadi seorang guru dan sebagainya lah *ye* [ya] dan selepas tamat pengajian saya di Maktab Perguruan Kuala Terengganu Batu Rakit tu, saya mula mengajar lah di sekolah SK Permatang Badak. Jadi di SK Permatang Badak tu sehingga kini. Daripada mula cikgu *posting* [lantikan] sehingga kini. Jadi lama lah. Dan sekolah cikgu pun menjadi *benchmark* [penanda aras] untuk peringkat kebangsaan. Jadi ramailah yang datang melawat dan sebagainya *ye* [ya] di sekolah ni. Jadi selama 28 tahun, 28 tahun saya berada di SK Permatang Badak dan Insya Allah mungkin saya pencen disitu jugalah *ye* [ya] kalau diizinkan. *Ye* [ya] emm [berfikir] dalam tempoh ni saya telah menyambung pelajaran lah. Jadi saya mengajar, saya belajar. Sambung Ijazah Sarjana Muda di IPG Tengku Ampuan Afzan, Pahang di Kuala Lipis. Disitu lebih kurang 3 tahun. Kemudian, saya sambung lagi ke peringkat sarjana di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada tahun 2013. Jadi emm [berfikir] sampai disitu lah. Insya Allah saya akan sambung ke peringkat PHD [Doctor of Philosophy] *ye* [ya] tidak lama lagi. Insya Allah doakanlah *ye* [ya]. Itu saja [*sahaja*].

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PENGALAMAN DALAM KERJAYA

HW : *Okay* [Baiklah] puan, kita akan masuk ke pengalaman dalam kerjaya. Bagaimana puan boleh menceburi bidang pendidikan? Sama ada minat atau dorongan keluarga?

CZ : Dari sudut pengalaman kerjaya ni ya, bagaimana saya menceburkan diri. Sebenarnya memang minat lah. Dari sekolah rendah lagi memang cita-cita saya ingin jadi guru dan Alhamdulillah tercapai cita-cita saya. Jadi sebenarnya minatlah yang mendorong saya untuk belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita yang saya nak *tu* [itu] *ye* [ya]. Minat saya.

HW : *Okay* [Baiklah] seterusnya boleh puan kongsi dengan kami pengalaman manis dan pahit puan sepanjang bergelar pendidik?

CZ : Jadi selama saya terbabit dengan pendidikan, terdapat banyak pengalaman manis sebenarnya. Pengalaman pahit *tu* [itu] *tak* [tidak] ada sangat, kurang *ye* [ya]. Saya banyak pengalaman manis sebab saya minat dengan bidang ni jadi saya anggap semua cabaran *tu* [itu] adalah manis buat saya. Diantaranya lah *ye* [ya], yang saya rasa seronok, saya rasa manis sangat untuk dikenang, saya sebenarnya seorang yang sentiasa berusaha, sentiasa bersemangat. Saya sentiasa rasa macam seolah saya baru sahaja mengajar. Saya *tak* [tidak] rasa saya lama mengajar dalam bidang *ni* [ini] walaupun dah hampir 30 tahun, saya rasa masih segar, masih seronok dengan kanak-kanak dan sebagainya. Jadi, di situlah timbulnya rasa *nak* [hendak] buat inovasi, mencungkil masalah kanak-kanak. Jadi kenangan manis saya ialah saya 4 kali dapat anugerah Johan Guru Inovatif peringkat negeri Pahang *ye* [ya], 4 kali. Semua yang saya buat *tu* [itu] dapat johan Alhamdulillah. Pada tahun 2005, 2012, 2014 dan juga 2019. Baru lagi 2019 ni *ye* [ya]. Saya juga telah dinobatkan sebagai Tokoh Guru Inovatif. Mungkin *dah* [sudah] banyak buat inovasi dan dinobatkan sebagai Tokoh Guru Inovatif peringkat negeri. Yang *ni* [ini] pada tahun 2018, seronok sangat masa *tu* *ye* [ya]. Itulah kenangan manis saya.

Antara yang lain-lain tu yang biasa *je* [sahaja] lah. Seronok dengan kanak-kanak, saya rasa *enjoy* [nikmati] dengan kanak-kanak. Mengajar kanak-kanak *ni* [ini] memang satu yang sangat menyeronokan, menggembirakan saya.

HW : Banyak *ye* [ya] anugerah puan. Banyak sangat. *Okay* [Baiklah] puan, soalan seterusnya, apakah halangan dan cabaran yang puan hadapi sepanjang bergelar pendidik? *Tapi* [tetapi] saya rasa *tak* [tidak] banyak *kot* [mungkin] sebab puan memang minat *kan* [bukan]?

CZ : Jadi *bila* [apabila] sebut halangan, cabaran sebenarnya memang ada dimana-mana. Untuk kita capai satu-satu kejayaan dalam hidup *tu* [itu] memang ada cabaran ada halangan *ye* [ya] itu bergantung pada kekuatan diri kita lah. Cuma kita sebagai hamba Allah *ni* [ini] perlu tahu lah cara *macam mana* [bagaimana] kita *nak* [hendak] menghadapinya. Cara untuk kita mengatasinya dengan positif *ye* [ya]. Yang mana halangan dan cabaran *tu* [itu] jangan kita anggap benda *tu* [itu] negatif-negatif *ye* [ya]. Sebenarnya benda *tu* [itu] lah yang menguji kita dan membagi kita kekuatan untuk bila kita jatuh kita bangun semula, *bila* [apabila] kita jatuh kita bangun semula *ye* [ya]. Bagi diri saya sendiri, cabaran berkaitan dengan kesihatan sahaja lah. Kadang-kadang saya *tak* [tidak] *berapa* [terlalu] sihat, mungkinlah berumur *ye* [ya], namun tidaklah terlalu mencabar bagi saya dan dapat diatasi dengan baik *ye* [ya] Insya Allah.

HW : *Okay* [Baiklah] puan, boleh puan ceritakan sedikit tentang tatacara pengurusan prasekolah?

CZ : *Okay* [Baiklah] ini berkaitan dengan kerjaya saya lah *ye* [ya] sebagai seorang guru prasekolah yang telah menguruskan prasekolah selama 28 tahun. Memang saya ada lah pengalaman kita kata *ye* [ya]. Pengurusan prasekolah *ni* [ini] banyak sebenarnya, kita *kena* [perlu] urus semua. Semua benda kita *kena* [perlu] urus sendiri dan *bila* [apabila] kita ada kawan-kawan, dibantu oleh kawan-kawan lah. Kalau kita berseorangan disitu mungkin guru-guru lain akan bantu juga. Banyak, diantaranya termasuklah yang terpenting sekali

iaitu pengurusan kurikulum. Kurikulum ni sangat penting *ye* [ya], ok kita *kena* [perlu] faham kita *kena* [perlu] tahu bagaimana kurikulum prasekolah dan kurikulum ini berlandaskan kepada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan yang biasa kita panggil KSPK *ye* [ya] KSPK Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan *ye* [ya]. Yang keduanya pengurusan fail, rekod semua kita *kena* [perlu] buat *ye* [ya]. Pengurusan kewangan, pengurusan aset alih pun kita *kena* [perlu] buat, *kena* [perlu] *tengok* [lihat] aset-aset yang ada di prasekolah. Apa yang perlu kita lakukan, apa yang perlu kita laporkan. Kemudian pengurusan hal ehwal murid. Banyak perkara tentang murid-murid yang perlu kita uruskan *ye* [ya], kanak-kanak kecil. Pengurusan pembantu pengurusan murid, PPM *ye* [ya] yang membantu guru. Di prasekolah kita ada orang yang membantu kita panggil pembantu pengurusan murid. Jadi yang mana kesemuanya perlu kita uruskan dengan baik, dengan berkesan. Itu diantara pengurusan lah. *Okay* [Baiklah] ada soalan lagi?

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: SUMBANGAN

- HM : Soalan seterusnya ialah mengenai sumbangan puan terhadap sekolah. Boleh *tak* [tidak] puan terangkan tentang inovasi Nyanyi, Ingat, Baca dan Tulis (NIBT) yang telah puan hasilkan?
- CZ : Jadi NIBT, kalau orang tanya NIBT itu apa ya N *tu* [itu] dia *stand for* [bermaksud] Nyanyi, I itu Ingat, B Baca, T itu Tulis. *Okay* [Baiklah] jadi inovasi ini saya bangunkan, saya bangunkan inovasi ini untuk membantu kanak-kanak dalam lingkungan 4 hingga 6 tahun ataupun 7 tahun untuk menguasai kemahiran menulis dan membaca dengan cekap dan berkesan. Itu harapan kitalah ya dengan adanya inovasi ini *tak* [tidak] semestinya orang kata guna inovasi yang Cikgu Zubaidah *je* [sahaja] bagus, *tak* [tidak]. Jadi inovasi *ni* [ini] ramai orang buat ya. Boleh pilih-pilih yang mana lah. Jadi ini inovasi saya NIBT *stand for* [bermaksud] Nyanyi, Ingat, Baca, Tulis. Jadi *bila* [apabila] kita sebut nyanyi, kanak-kanak memang suka menyanyi. Kita pun suka nyanyi *kan* [bukan]? Hawa suka nyanyi?
- HW : [ketawa]
- CZ : Suka. Hashimah suka menyanyi?
- HM : Suka. Suka *tapi* [tetapi] dalam tandas *saja* [sahaja] lah.
- HW : [ketawa]
- CZ : Semua suka *kan* [bukan] nyanyi. Jadi bila nyanyi *ni* [ini] mudah *tak* [tidak] ingat?
- HW & : Mudah.
CZ
- CZ : Mudah atau pun lambat ingat? Mudah ingat...

- HM : Mudah.
- CZ : Begitu juga kalau kanak-kanak pun macam *tu* [itu]. *Bila* [Apabila] dia belajar dia bersatu dengan nyanyian dia cepat ingat. Dia cepat sangat ingat. *Okay* [Baiklah] jadi *bila* [apabila] nyanyi dia ingat, dia boleh baca. *Bila* [Apabila] boleh baca, dia boleh tulis. T *tu* [itu] Tulis ya. Jadi gabungan di antara kemahiran yang berada dalam NIBT *ni* [ini] sangat kuat dan memberi impak yang sangat positif kepada kanak-kanak *ye* [ya] dalam menguasai kemahiran literasi. Membaca dan menulis ya. Emmmm [berfikir] jadi inovasi *ni* [ini] beri fokus kepada nyanyian, dia *bagi* [beri] fokus kepada pergerakan anggota badan ya. *Bila* [Apabila] menyanyi mesti bergerak *kan* [bukan]? Kalau budak-budak *kan* [bukan]? Kalau kata *Twinkle Twinkle Little Star* dia buat *macam mana* [bagaimana] pergerakan dia? *Macam mana* [bagaimana] Hawa?
- HW : [ketawa]
- CZ : Haaa dia mesti [nyanyi lagu *Twinkle Twinkle Little Star*]. *Okay* [Baiklah]. *Okay* [Baiklah] dia kalau menyanyi yang saya buat inovasi pun dia ada pergerakan anggota badan. Jadi *bila* [apabila] kanak-kanak *ni* [ini] bergerak dia menyanyi, dia memberi impak yang sangat tinggi kepada kognitif dia. Dia lebih cepat ingat. Ini bukan saya kata, saya kaji. Saya kaji ya apa yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji yang berkaitan dengan muzik dan gerakan. Dan tesis saya yang pertama pun peringkat saujana saya buat berkenaan dengan NIBT tetapi jawi, berkenaan jawi, huruf jawi. *Nak* [hendak] ingat huruf jawi *macam mana* [bagaimana]? Dengan melalui nyanyian dan pergerakan. Jadi pembangunan inovasi yang saya buat *ni* [ini] berlandaskan kepada beberapa teori lah. Saya *ambik* [ambil] teori. Kalau macam kata cikgu *nak* [hendak] buat inovasi, cikgu *based* [berdasarkan] kepada teori. Barulah cikgu punya inovasi kuat. Barulah orang *nak* [hendak] pandang inovasi cikgu. Cikgu bukan buat main-main. Cikgu buat kajian, cikgu buat *research* [kajian] berkenaan inovasi cikgu. *Based* [berdasarkan] kepada teori Piaget, David atau pun Howard Gardner, Vygotsky. Itu di antara teori-teori perkembangan pembelajaran kanak-kanak yang biasa kita gunalah. Jadi semua inovasi yang

saya hasilkan *ni* [ini] *based* [berdasarkan] kepada teori. Kekuatan berada di situ. Jadi 4 inovasi yang telah saya hasilkan. Pertama sekali yang 2005 *tu* [itu] inovasi saya bertajuk Kaedah NIBT Huruf. Inovasi yang kedua Kaedah NIBT Jawi. Bila huruf *dah* [sudah] berjaya, saya buat jawi untuk membantu guru agama. Kemudian saya buat kaedah menulis mekanisma kanak-kanak melalui NIBT juga, nyanyi juga dan juga yang baru menang 2019 baru *ni* [ini] berkaitan dengan nyanyian juga *tapi* [tetapi] Mudahnya Membaca. Tajuk dia Mudahnya Membaca. Dan saya juga menang kategori berkumpulan untuk inovasi doktor muda. Kita gabungkan doktor muda dengan tunas doktor muda dan kita juga berjaya di peringkat kebangsaan. Pada tahun 2019, saya menang 2 inovasi. Tetapi yang *tu* [itu] tunas doktor muda. Saya bantulah untuk tunas doktor muda. Jadi semua inovasi *ni* [ini] yang mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia sebab kita bertanding melalui Jabatan Pendidikan Negeri dan kita juga pernah menang di peringkat kebangsaan dan juga memenangi pelbagai anugerah lah termasuk anugerah *High Impact*. *High Impact* 2016 saya johan untuk peringkat kebangsaan dan anugerah emas yang terbaru *ni* [ini] tahun 2020, baru lagi. Saya dapat *gold medal* [pingat emas] peringkat antarabangsa untuk kaedah menulis kanak-kanak. Saya rasa seronok sangat dan saya akhiri tahun 2020 dengan kemenangan saya di peringkat antarabangsa. Haa *okay* [baiklah]. Itu *saja* [sahaja] tentang inovasi saya. Lagi? Ada soalan lagi?

HM : Banyak anugerah yang puan dapat. Tahniah puan sebab melalui inovasi *ni* [ini] puan dapat macam-macam hadiah, anugerah. Seterusnya, tahniah puan. Seterusnya saya *nak* [hendak] tanya tentang apakah impak inovasi yang puan hasilkan terhadap murid-murid?

CZ : *Okay* [Baiklah] memandangkan inovasi yang saya buat *ni* [ini] berkaitan dengan kemahiran menulis, membaca. Jadi memang ia dapat meningkatkanlah pencapaian murid-murid dalam menguasai kemahiran membaca dan menulis. Itu yang kita *nak* [hendak]. Jadi pernyataan masalah pun apa yang saya kaji *ni* [ini] pun, apa yang saya lihat dalam pengalaman saya sebagai seorang guru yang lama mengajar. Kanak-kanak *ni* [ini]

memang ada masalah dia. Masalah dari segi membaca, *nak* [hendak] kenal huruf. Ada yang *tak* [tidak] kenal huruf pun sampai dia duduk di prasekolah sampailah 10 bulan, 11 bulan *dah* [sudah] akhir tahun pun ada lagi huruf-huruf yang belum dikenali. Jadi itu di antara masalahnya. Menulis dengan masalah yang apa tulisan yang bercelaru dan sebagainya *kan* [bukan]. *Okay* [Baiklah] jadi *bila* [apabila] kita buat inovasi *ni* [ini], kita cuba mendekati kanak-kanak *tu* [itu], memahami apa sebenarnya masalah dia *ni* [ini]. Dekati dia. Kaji dia. Jadi di situlah saya dapat tengok ya impak dia memang sangat-sangat positif ya untuk kanak-kanak dan juga saya dapat membantu guru-guru. Bukan setakat membantu kanak-kanak, saya juga dapat membantu guru-guru untuk mengajar kanak-kanak *ni* [ini] dengan lebih mudah dan menyeronokkan sebab ada lagu. *Okay* [Baiklah]. Contohnya *nak* [hendak] ajar huruf e. Katakan ya kalau *dulu* [dahulu] saya ajar budak huruf e, dia tulis daripada bawah, bawah *kan* [bukan]? Kalau melalui program saya, saya ada lagu. ([Cikgu Zubaidah menyanyikan lagu huruf e] *Okay* [Baiklah] kita *drill* [latih] dengan seronok bukan *drill* [latih] dengan marah, dengan emosi.

HW : [ketawa]

CZ : Ini E E E! Sebut betul-betul, sebut betul-betul! *Tak* [Tidak]. *Ni* [ini] kita ajar dengan lagu, dengan lemah-lembut, dengan seronok, dengan pergerakan dan sebagainya. Kanak-kanak Masha Allah sangat-sangat suka. Kalau *dulu* [dahulu] g, anak-anak tulis dari bawah, g. Sekarang *ni* [ini] *macam mana* [bagaimana] g anak-anak? [Cikgu Zubaidah menyanyikan lagu huruf G].

HW : [ketawa]

CZ : Seronok *tak* [tidak]? *Macam mana* [bagaimana] huruf anak? Haa telinga besar *dulu* [dahulu]. Dia *tak* [tidak] kata kaki *dulu* [dahulu] sebab melodi *tu* [itu], lirik *tu* [itu] *dah* [sudah] sebut telinga besar *dulu* [dahulu]. Betul *tak* [tidak]? Haa jadi betul? *Nak* [hendak] tulis huruf g *macam mana* [bagaimana]? Telinga besar *dulu* [dahulu], badan kurus, kaki bengkok. *So* [Jadi] tidak ada masalah. Dia *dah* [sudah] kenal dan dalam program *ni* [ini]

ada 17 huruf sahaja yang saya kenalkan untuk huruf besar. Huruf yang *tak* [tidak] sama dengan huruf kecil. *Tu* [Itu] *je* [sahaja]. 17 huruf besar, 26 huruf kecil dan cara menulis yang betul. *You* [Awak] dapat 3 dalam 1. Sebab itu dipanggil inovasi. Kalau *dulu* [dahulu] saya ajar huruf, *nak* [hendak] kenal huruf sekian hal *dah* [sudah]. 2, 3 bulan belum tentu semua dapat. *Bila* [Apabila] *dah* [sudah] kenal huruf, menulis pula terbalik. Tetapi dalam inovasi *ni* [ini], menulis huruf terus betul dengan mengikut lirik dan dapat sebut huruf *tu* [itu] dengan tepat. Seronok *kan* [bukan]? Sekejap *je* [sahaja]. Sebab itu dipanggil inovasi sebab saya jimatkan masa, jimatkan kos. Saya *tak* [tidak] penat mengajar selama-lama. Sebab itu dipanggil inovasi. Dan ada lagu itu yang membuatkan budak-budak *tu* [itu] seronok. *Enjoy* [Seronok]. *Kan* [Bukan]? Jadi itulah, saya dapat impaknya memang sangat tinggi. Untuk jawi pun *macam* [seperti] *tu* [itu]. *Bila* [apabila] ustazah masuk, *okay* [baiklah] saya *tengok* [lihat] hujung tahun, banyak huruf yang *tak* [tidak] dikenali. Jadi *bila* [apabila] saya buat inovasi *ni* [ini], Alhamdulillah hampir 100% atau pun 90% lebih murid-murid dapat mengenal huruf jawi. Huruf jawi *ni* [ini] bukan senang *kan* [bukan] cikgu? Ha susah sebabnya jarang-jarang dia tengok. Kalau huruf A hingga Z *tu* [itu] banyak *kan* [bukan]? Kalau dia ke bandaraya pun dia tengok huruf-huruf banyak. Kalau jawi jarang-jarang bahkan tidak pernah *tengok* [lihat] pun. Jadi impaknya sangat tinggi. Murid-murid saya kalau kaedah yang inovasi menulis *tu* [itu] 5 tahun *dah* [sudah] dapat menulis dengan sangat cantik dan kemas dan boleh membaca sekali. Itu di antara impaklah. *Okay* [Baiklah] Ada soalan lain?

HM : Okay [Baiklah]. Kita beralih ke soalan seterusnya. Selain inovasi NIBT yang telah pun dihasilkan, boleh pun ceritakan serba sedikit tentang sumbangan pun yang lain? Selain NIBT.

CZ : Okay [Baiklah] Kalau saya masuk NIBT *sikit* [sedikit], memang telah pun saya sumbangkan kepada semua guru prasekolah lah di seluruh Malaysia melalui *roadshow* [jelajah] yang telah pun dianjurkan oleh bahagian pendidikan guru pada tahun 2018. Saya telah pun pergi daripada satu negeri ke satu negeri untuk saya terangkan program ini di bawah anjuran BPG tahun

2018. Dan saya juga menyumbangkan inovasi ini kepada sekolah-sekolah rendah orang asli, di sekolah murid gelandangan. Kalau di Kuala Lumpur tu Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih lah. Saya *dah* [sudah] sumbangkan kesemua inovasi saya di situ. Dan juga saya membuat pembentangan kertas kerja. Pembentangan kertas kerja, kajian tindakan. Saya memang minat benda-benda macam *tu* [itu]. Dan juga di peringkat antarabangsa, peringkat kebangsaan. Di peringkat kebangsaan pun saya ada bentangkan kertas kerja saya *tapi* [tetapi] semua berkaitan dengan inovasi saya. *Okay* [Baiklah]. *Okay* [Baiklah], ada soalan lain?

HW : *Okay* [Baiklah] puan, berkaitan dengan inovasi puan *tu* [itu], boleh saya tahu bagaimana cara puan kongsi bahan-bahan inovasi *tu* [itu] dengan guru-guru lain?

CZ : Hmm [berfikir] yang *tu* [itu] saya kongsi melalui kursus-kursus yang dianjurkan oleh JPN, oleh PPD. Yang saya buat *roadshow* [jelajah] di seluruh Malaysia *tu* [itu] melalui Bahagian Pendidikan Guru. Maknanya saya bawa keluarlah di peringkat negeri untuk saya sumbangkan inovasi tersebut untuk saya salurkan kepada cikgu-cikgu, untuk saya sebar luaskan kepada semua orang dan saya juga ada buat *group* [kumpulan] ya *group* [kumpulan] *Telegram*. Saya bantu ibu bapa bukan saya sumbangkan untuk guru saja [sahaja]. Untuk ibu bapa, untuk ibu bapa yang ada anak-anak yang lambat, sebab program saya yang huruf saya *ni* [ini] memang telah pun saya kaji dan saya gunakan untuk murid autis ya autisme. *Mild autism* [autisme ringan]. Jadi saya berjaya dalam tempoh 3 bulan untuk mengajar kanak-kanak *ni* [ini] huruf sehingga dia boleh membaca, mengenal huruf dengan tepat. Tahun 2016 macam *tu* [itu] ya saya pernah kajilah dengan menggunakan murid-murid yang ada masalah dengan pembelajaran. Jadi dari situ saya bina *group* [kumpulan] bersama ibu bapa seluruh Malaysia. Dalam *Telegram* saya *tu* [itu] dari Sabah Sarawak semua ada. Yang luar negara, Indonesia pun ada. Saya pun ada *group* [kumpulan] bersama dengan pelajar guru-guru tadika di Indonesia, di Jawa Barat. Jadi saya ada hubungan dengan *diaorang* [mereka] lah, saya bantu *diaorang* [mereka]. Bukan setakat dalam Malaysia lah. Jadi

itulah di antara cara saya menyebarkan inovasi. *Okay* [Baiklah].

HM : Sekejap ya puan. Sekejap ya. Boleh *tak* [tidak] puan tolong beritahu kami anugerah-anugerah yang telah puan dapat mengenai NIBT atau pun di sekolah? Tokoh atau apa-apa. Atau anugerah.

CZ : Anugerah ya. Anugerah yang yang pertama sekali, yang saya paling seronok sekali yang tahun 2018 *tu* [itu] lah, saya pernah dapat untuk Tokoh Guru Inovatif peringkat negeri Pahang. Dan saya pernah dapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2016, 2009, tahun 2000, 3 kali. Dan pada tahun 2017, saya dapat Anugerah Ikon Guru Pahang dan Anugerah Guru Bestari untuk peringkat daerah . *Okay* [Baiklah] pada tahun 2018, Anugerah Permata Prasekolah pada tahun 2010 dan anugerah-anugerah lain seperti Anugerah Jasa Bakti tahun 2012, 2013, 2015. Kemudian saya pernah dapatlah Anugerah Guru Cemerlang pada tahun 2010. Dan saya juga pernah mewakili untuk *finalist* [finalis] Anugerah *Princess* Maha Chakri peringkat antarabangsa. *Finalist* [Finalis] tahun 2017 dan juga 2019. Dan tahun *ni* [ini] pun saya masuk lagi sekali ya mohon doakan saya berjaya untuk saya dapat peringkat antarabangsa lah sebab dia pilih satu sahaja dalam Malaysia. Dan inovasi *ni* [ini] merangkumi semua inovasilah bukan prasekolah sahaja. Doakan untuk sayalah. *Okay* [Baiklah]. Itulah di antara anugerah-anugerah yang pernah saya terimalah.

HW : *Okay* [Baiklah] puan, saya tertarik dengan Anugerah Maha Chakri, Maha Chakri. Boleh puan ceritakan serba sedikit tentang anugerah tersebut *tak* [tidak]?

CZ : Anugerah *Princess* Maha Chakri *ni* [ini] merupakan satu anugerah yang diberi oleh negara Thailand sempena hari jadi dia punya maharaja. Jadi dia buat satu anugerah untuk menghargai jasa-jasa guru ya yang memilih inovasi dan sebagainya lah ya untuk diangkat semasa majlis tersebutlah. Di Thailand. Anugerah yang dibuat oleh negara apa Thailand. *Okay* [Baiklah]. Ada soalan

lagi?

HW : *Okay* [Baiklah] puan, jika tidak keberatan boleh puan kongsi dengan kami bagaimana perasan puan ketika mula-mula mengajar?

CZ : Perasaan mula mengajar disebabkan saya *ni* [ini] memang saya seronok. Perasaan saya, saya memang rasa apa rasa teruja, memang saya menunggu-nunggu sangat masa untuk saya pergi mengajar *ni* [ini]. Mula-mula saya datang sekolah *tu* [itu] memang sekolah saya *tak* [tidak] ada apa-apa, dalam kelas saya memang kosong. Jadi saya berusaha, memang saya berusaha keraslah untuk saya jadikan kelas saya *tu* [itu] sebagai contoh peringkat daerah kemudian menjadi contoh peringkat negeri Pahang dan kemudian menjadi contoh peringkat kebangsaan. *Okay* [Baiklah]. Banyak negeri yang datang ke sekolah saya. Hampir semua negeri datang. Nazir- nazir datang *masa* [semasa] *nak* [hendak] buat kurikulum dan sebagainya dan *diaorang* [mereka] jadikan sebagai contohlah, *benchmark* [penanda aras] di peringkat kebangsaan. *Tapi* [Tetapi] *kena* [perlu] ada semangat yang kuat untuk berjaya, jangan putus asa. Kita rasa benda *tu* [itu] yang baik kita buat, kita buatlah. Dan kita juga perlukan pandangan-pandangan daripada orang lain seperti guru besar kita. Jangan kita belakangkan guru besar kita, pengetua kita, majikan kita. Itu orang yang perlu sentiasa kita damping untuk dapatkan bantuan, idea-idea. Jangan kita *dah* [sudah] berjaya, kita nak lupa *diaorang* [mereka]. *Tak* [tidak] boleh. Kita sangat bergantung dengan cikgu-cikgu lain juga. Kita berjaya bukan kerana kita *sorang* [seorang], ramai orang yang membantu kita, memberi sokongan kepada kita. Sebab itu kita *tak* [tidak] boleh sombong. Jadi itulah daripada mula saya datang ke sekolah tu memang saya seronok sangat nak mengajar, *nak* [hendak] jadi cikgu sebab cita-cita saya memang *nak* [hendak] jadi cikgu. Dan cita-cita saya *tu* [itu] tercapai dan saya rasa seronoklah. Saya memang sampai sekarang *ni* [ini] pun saya seronok mengajar. Saya *dah* [sudah] 52 tahun *nak* [hendak] masuk 30 tahun *dah* [sudah] *nak* [hendak] pencen *dah* [sudah] *ni*. Mungkin 3 tahun, 4 tahun lagi saya akan pencen *tapi* [tetapi] saya *still* [masih] seronok dengan kanak-kanak. Saya boleh menyanyi, saya boleh menari, saya boleh berseronok,

berhibur dengan kanak-kanak. Saya *tak* [tidak] pernah rasa susah hati pun dengan kanak-kanak. Itulah saya cerita. *Okay* [Baiklah]. Ada soalan lagi?

HW : ***Okay* [Baiklah] puan, pada pandangan puan apakah yang membezakan guru pendidikan awal kanak-kanak ni dengan guru yang lain? Guru matapelajaran lain?**

CZ : Macam kita di prasekolah *ni* [ini], kita *kena* [perlu] ajar semua subjek kecuali guru agama *je* [sahaja] ya pendidikan agama Islam sahaja diambil alih oleh guru yang khususlah yang mengajar mata pelajaran tersebut. Jadi dari segi pengurusan pun banyak kita *kena* [perlu] urus sendiri dari segi fail, rekod-rekod murid, urusan kita dengan ibu bapa. Kita dengan ibu bapa *ni* [ini] rapat. Hubungan kita dengan ibu bapa *ni* [ini] *kena* [perlu] rapat, baru kita boleh berjaya. Jangan sama sekali kita *nak* [hendak] sombong, kita *nak* [hendak] ego, *nak* [hendak] buat hal sendiri. Kita dengan ibu bapa, kita perlu hormat dia walaupun kita cikgu, kita *kena* [perlu] hormat ibu bapa yang anak kita ajar *tu* [itu]. Kita *kena* [perlu] ada *group* [kumpulan] *Whatsapp*, *kena* [perlu] sentiasa berhubung dan kalau di prasekolah *ni* [ini] kita ada, kita *kena* [perlu] ajar banyak tunjanglah, seorang cikgu *kan* [bukan]. Kalau di sekolah arus perdana tahun 1 hingga tahun 6 mereka ada subjek-subjek dia sendiri. Ada tunjang-tunjang lain yang perlu yang masing-masing sendirilah *kan* [bukan]. *Ni* [Ini] semua sekali, Sains kita ajar, BI kita ajar, Matematik kita ajar, Bahasa Melayu kita ajar, semua sekali. Dan kita *kena* [perlu] kuat. Kita guru prasekolah memang *kena* [perlu] kuat, kuat semangat dan sanggup berkorban apa saja. Cikgu-cikgu lain pun *macam* [begitu] *tu* [itu] juga. *Tak* [tidak] ada beza sangat cuma dari segi pengajaran dalam kelas *saja* [sahaja]. Kita *ni* [ini] lebih terdedah dengan kanak-kanak. Lebih apa *ni* [ini], jalinkan hubungan yang rapat dengan ibu bapa dan sebagainya. *Tak* [tidak] ada bezanya, *tak* [tidak] ada beza sangat. *Okay* [Baiklah]. Soalan lagi? Ada soalan lagi Hawa?

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: CADANGAN

HW : Ya puan. Boleh puan berikan cadangan untuk meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia?

CZ : Pandangan saya la ya, banyak cara sebenarnya untuk kita tingkatkan kualiti dia atau kualiti pendidikan. Memandangkan saya *ni* [ini] orang inovasi, saya minat dengan inovasi, salah satu caranya ialah meningkatkan kualiti pendidikan *ni* [ini] melalui kreativiti dan inovasi. Guru yang kreatif *ni* [ini] dan berinovatif dia dapat mencetuskan idea. Dia dapat cetuskan pelbagai idea. Dia dapat idea buat begitu begini. Dia *tengok* [lihat] masalah murid *ni* [ini] ada masalah begini. Tercetusnya idea dia untuk membantu murid tersebut. Dia dapat menterjemahkan kehendak dan matlamat kurikulum dengan menggunakan kaedah, menggunakan pendekatan, menggunakan teknik, strategi pengajaran melalui kajian yang dibuat. Guru *ni* [ini] mesti sentiasa mengkaji. Dia mesti membuat penambahbaikan dari masa ke semasa. Jangan orang kata duduk diam *je* [sahaja] datang mengajar balik, datang mengajar balik. *Macam* [Begitu] *tu* [itu] *kan* [bukan]? *Okay* [Baiklah] dia *kena* [perlu] ada semangat, dia *kena* [perlu] ada apa *ni* [ini] sentiasa berfikir *macam mana* [bagaimana] *nak* [hendak] menghadapi murid-murid, bagaimana dia *nak* [hendak] menyelesaikan masalah murid-murid. Sebenarnya murid *ni* [ini] banyak sangat masalah dia yang perlu kita buat *research* [kajian] dan masalah-masalah dalam pembelajaran *tu* [itu] untuk kita bantu dia. Kita buat sesuatu, kita bina bahan, kita bina alat, kita bina kaedah, metodologi dan sebagainya. Jadi perkara ini sangat penting. Perkara *ni* [ini] sangat penting untuk guru-guru menguasai, guru-guru ada dalam diri masing-masing ya, perkara macam *ni* [ini] untuk membantu pelajar *tu* [itu] menguasai ilmu. Dia *nak* [hendak] kuasai ilmu tetapi *tak* [tidak] boleh. Dia *tak* [tidak] ada cara. Jadi kita sebagai guru kita *kena* [perlu] bantu dia *macam mana* [bagaimana] cara saya *nak* [hendak] bagi murid *ni* [ini] faham. Dan kita *nak* [hendak] tingkatkan kemahiran dia. Yang penting sekali nilai murni. Yang diperlukan dalam dunia kita sekarang *ni* [ini], dengan berdaya saing serta bersifat global. Tahu *kan* [bukan] bersifat global? Dan kesan dari perkembangan pesat sains dan teknologi kita pada masa sekarang *ni* [ini] lah.

Jadi kita kena sentiasa kreatif dan inovatif. *Okay* [Baiklah]. Ada soalan lagi?

HW : Puan, boleh puan kongsikan sedikit tentang nasihat untuk para-para *student* [pelajar] yang akan jadi cikgu nanti. Sebarang nasihat daripada puan.

CZ : *Okay* [Baiklah]. Harapan sayalah sebagai seorang cikgu yang *dah* [sudah] veteran, yang *dah* [sudah] berumur, *dah* [sudah] mengajar lama. Kita sebagai seorang guru *ni* [ini] kita perlu sentiasa bersedia. Bersedia dengan sebarang perubahan dalam pendidikan. Semakin lama semakin banyak perubahan, semakin lama semakin banyak perubahan. Jadi kita *kena* [perlu] sentiasa bersedia dan bersedia mengharungi arus pendidikan yang semakin mencabar. *Okay* [Baiklah] itu dari segi sistem pendidikan. Cabaran dari segi ibu bapa. Kita *kena* [perlu] bersedia. Dan kita jadi seorang guru yang pandai untuk apa orang kata [berfikir] PR kita lah dengan ibu bapa, hubungan kita dengan ibu bapa, *macam mana* [bagaimana] cara kita *nak* [hendak] bercakap dengan orang. Itu sangat penting, *kena* [perlu] belajar benda-benda macam *tu* [itu]. Kadang-kadang kita orang muda *ni* [ini] lebih *emotional* [emosi]. Kadang-kadang kita bercakap, kita *tak* [tidak] fikir. Jadi kita *kena* [perlu] belajarlah sentiasa bersedia dengan sebarang perubahan, dengan sikap ibu bapa, dengan berkembang pesatnya sains dan teknologi, kita *kena* [perlu] sentiasa mengikuti arus. Jangan kita ketinggalan. Jadi guru *kena* [perlu] main peranan yang pentinglah dalam menjayakan wawasan diri pelajar supaya menjadi pemangkinlah kepada pencapaian wawasan pendidikan negara. Itulah harapan dan nasihat sayalah dan kita perlu melakukan perubahan yang secara menyeluruh dan bersepadu melalui pemikiran yang kreatif dan inovatif. Saya sentiasa mengeluarkan perkataan kreatif dan inovatif sebabnya memang seorang guru *kena* [perlu] ada perkara *ni* [ini] lah *Okay* [Baiklah] dan seorang pelajar seperti Hawa dan Nurul Hashimah *okay* [baiklah] *kena* [perlu] sentiasa bersedia. *Okay* [Baiklah] Ada soalan lagi?

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: HARAPAN

HM : Sesi temubual... Ini soalan terakhir ya puan.

CZ : Ya

HM : **Sesi temubual kita sudah sampai ke penghujungnya. Sebelum kita mengakhiri sesi temubual ini, apakah hasrat yang belum dicapai oleh puan sepanjang bergelar seorang guru?**

CZ : *Tak* [tidak] jelas. Sila ulang soalan.

HM : Apakah hasrat yang belum dicapai oleh puan sepanjang bergelar seorang guru?

CZ : Oh hasrat saya yang belum dicapai ya.

HM : Belum tercapai.

CZ : Belum tercapai. Memang saya ada [tidak jelas] jadi ada hasrat saya sendiri yang mana saya berhasrat untuk saya menanglah untuk peringkat antarabangsa yang saya *dah* [sudah] mohon baru *ni* [ini] dalam pencalonan anugerah *Princess* Maha Chakri yang dianjurkan oleh negara Thailand dan juga Insha Allah saya dan juga Jabatan Pendidikan Negeri Pahang dalam usaha membantu supayalah untuk mencapai satu lagi saya punya wawasan, saya punya cita-cita saya untuk mendapat paling tidak pun *top 5* [5 teratas] dalam *Global Teacher*. Itu peringkat global lah. Pertandingan yang diadakan di Dubai. Itu harapan sayalah. Kalau ada rezeki, Insha Allah saya akan berjaya dan bila saya menang pun saya ada hasrat saya sendiri lah apa yang saya *nak* [hendak] buat untuk kemenangan saya tersebut ya. Jadi itulah di antara hasrat sayalah dalam pendidikan. *Okay* [Baiklah]. Itu *saja* [sahaja] ya?

- HW : Puan. Sebelum kita tamat, saya *nak* [hendak] tanya satu soalan. Puan dengar *tak* [tidak]? Apa pendapat puan tentang apa *ni* [ini], ada orang cakap cerminan pelajar-pelajar sekarang, pelajar-pelajar prasekolah *ni* [ini] cerminan mereka yang akan datang? Perangai mereka *ke* [mungkin]?
- CZ : Maksudnya?
- HW : Maksudnya...
- CZ : Maksudnya *macam mana* [bagaimana] *tu* [itu]?
- HW : *Okay* [Baiklah]. Kalau *dekat* [di] prasekolah *ni* [ini] dia nampak macam malas, haa *gitu* [begitu]. Kurang pandai. Nanti cerminan dia pun nanti akan jadi *gitu* [begitu] juga. Apa pandangan puan tentang *benda* [perkara] *tu* [itu]?
- CZ : *Okay* [Baiklah]. Saya terangkan dari segi psikologi la *ye* [ya]. Dari segi psikologi nya, kita *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] kata anak-anak peringkat umur 4, 5, 6 tahun *ni* [ini] *tak* [tidak] pandai. Kita jangan terus orang kata cop dia. *Ni* [Ini] budak *ni* [ini] gred C, budak *ni* [ini] gred D, gred E dan sebagainya sebab *tu* [itu] di prasekolah, kita *tak* [tidak] ada ujian menulis, ujian apa bertulis. Kita *tak* [tidak] ada. Sebab apa? Sebab kita *tak* [tidak] *nak* [hendak] *level* [tahap] kan anak-anak daripada peringkat awal lagi 4, 5, 6 *ni* [ini] awak *ni* [ini] Ali E. Awak gred E, awak gred C, yang *ni* [ini] A. *Tak* [tidak] *nak* [hendak] macam *tu* [itu]. Sebab di peringkat awal *ni* [ini] kita *dah* [sudah] *level* [tahap] kan anak-anak *tu* [itu] macam *tu* [itu], walaupun kita nampak dia *tak* [tidak] pandai, mungkin belum ada kesediaan belajar pada peringkat itu. Kesediaan dia *tu* [itu] *tak* [tidak] datang lagi. Ibarat rama-rama la. Dia duduk dalam [berfikir] dia *dah* [sudah] bertelur duduk dalam kepompong. Dia masih dalam kepompong. Bila dia pecah nanti, dia akan jadi rama-rama yang indah. Betul *tak* [tidak]? Dia akan terbang. Dia akan terbang ke sana ke mari, berwarna-warni. Macam *tu* [itu] lah. Mungkin kesediaan dia belum ada lagi. Ramai saya *tengok* [lihat] ramai murid-murid saya yang berada di peringkat prasekolah boleh katakan agak sederhana. Tetapi bila dia

masuk darjah 1, darjah 2, darjah 3 hingga darjah 6 dia jadi murid, tokoh murid pun ada daripada prasekolah. Ramai murid yang berada di prasekolah yang menjadi tokoh murid semasa berada di darjah 6. Sebab *tu* [itu] saya kata itu bukan satu cerminanlah untuk kita katakan kalau murid *ni* [ini] di prasekolah dia agak *tak* [tidak] berapa pandai, lambat dan sebagainya. Nanti *bila* [apabila] *dah* [sudah] masuk tahun 1 hingga tahun 6 pun macam *tu* [itu], *tak* [tidak]. Dia akan berubah. Sebab *tu* [itu] kita di peringkat prasekolah *ni* [ini] kita ajar *je* [sahaja] dia, kita bagi *je* [sahaja] kemahiran-kemahiran yang diperlukan, ajak dia bermain, ajak dia menyanyi, ajak dia menguasai kemahiran-kemahiran yang boleh dikuasai. Jangan tekan dia. Jangan terlalu orang kata stress kan dia. Kau mesti *kena* [perlu] pandai baca, mesti *kena* [perlu] pandai baca. *Tak* [tidak] semestinya, kadang *tu* [itu] dia masuk tahun 1 dia *tak* [tidak] boleh membaca pun. *Tak* [tidak] ada masalah. Kadang *tu* [itu] kalau yang *tak* [tidak] boleh *tu* [itu], huruf pun *tak* [tidak] dapat *nak* [hendak] kenal, *tapi* [tetapi] *bila* [apabila] masuk *je* [sahaja] 3 tahun, kita nampak *dah* [sudah] dia *nak* [hendak] belajar, kita *dah* [sudah] nampak kesediaan dia masa *tu* [itu]. Jadi itu bukan satu cerminanlah *bila* [apabila] berada di prasekolah, di arus perdana pun dia macam *tu* [itu], *tak* [tidak]. Ramai yang berubah. Murid-murid saya yang saya *tengok* [lihat] di prasekolah yang agak lambat murid yang lambat. Saya pernah menerima seorang kanak-kanak yang sangat lambat. Sangat lambat dan kita sangat-sangat *kena* [perlu] bersabar dengan dia, ajar dia dan satu hari saya berjumpa dia, mak dia kenalkan saya, “*ni* [ini] anak murid cikgu” dia cakap. Sekarang *ni* [ini] telah berada di universiti. Saya pun terkejut juga la kan, dia kata “Alhamdulillah”. Kalau di prasekolah dulu dia *tak nak* [tidak mahu] belajar *tapi* [tetapi] akhirnya dia berjaya. Banyak contoh-contoh yang *dah* [sudah] jadi peguam, yang *dah* [sudah] jadi doktor pun ada jumpa saya. *Tak* [tidak] boleh dijadikan cerminan. *Okay* [Baiklah]. Dia boleh berubah. Ada soalan lagi?

HM : *Okay* [Baiklah] puan. *Ni* [ini] soalan terakhir.

- CZ : Eh ada lagi? [ketawa]
- HM : Boleh puan beritahu kami... *Ni* [ini] soalan terakhir puan.
- CZ : [ketawa]
- HM : Boleh puan beritahu kami tentang nasihat-nasihat yang sering puan berikan kepada para pelajar puan untuk menjadi pelajar yang cemerlang?**
- CZ : Pelajar prasekolah lah maksudnya? *Ke* [Atau] pelajar peringkat kamu *ni* [ini]?
- HW : Semua. Semua.
- CZ : Pelajar prasekolah?
- HM : Prasekolah.
- HW : Kalau puan *nak* [hendak] *bagi* [beri] untuk pelajar-pelajar lain pun boleh puan. Nasihat-nasihat puan.
- CZ : Untuk anak-anak, untuk anak-anak prasekolah *ni* [ini] kita [berfikir] kita sentiasa dengan ibu bapa dia. Kalau sayalah, saya sentiasa menghubungi ibu bapa kalau ada masalah apa-apa, saya akan *contact* [hubungi] ibu bapa. Kita akan berbincang dengan ibu bapa, itu peringkat prasekolah. Jadi kalau yang nakal-nakal *tu* [itu] iyalah nasihatkanlah supaya anak-anak sebenarnya memang peringkat awal dia memang suka bermain. Kita *kena* [perlu] tahu naluri kanak-kanak. Suka bermain, agak iyalah agak [berfikir] biasa kita guna nakal kan. Memang ada juga yang macam *tu* [itu]. Jadi *tak nak* [tidak mahu] belajar, jadi kita cuba nasihatlah. Lepas *tu* [itu] kita *kena* [perlu] telefon mak dia, beritahu. Kalau di peringkat seperti Hawa dan Nurul Hashimah *ni* [ini], apa yang penting ialah kesabaran kitalah sebagai seorang pelajar. *Okay* [Baiklah] ketahanan kita sebagai seorang pelajar. Pelajar sekarang *ni* [ini] pun belajar melalui *online* [atas talian] betul *tak* [tidak]? Betul?

- HW : Haah [ya] puan. Belajar melalui *online* [atas talian].
- CZ : Jadi banyak perubahan yang berlaku kalau *nak* [hendak] bandingkan dengan bersemuka dulu *kan* [bukan]? Jadi Hawa dan Nurul Hashimah juga pelajar-pelajar lain *kena* [perlu] ada kekuatan, *kena* [perlu] ada semangat untuk belajar, sentiasa hormatkan guru-guru. Bila kita hormat guru, banyak pahala yang Hawa dan Nurul Hashimah dan pelajar-pelajar lain akan dapat dan juga ilmu yang dapat *tu* [itu] lebih berkat. Keberkatan *tu* [itu] sangat-sangat penting. Itu yang kita *nak* [hendak] dengan cikgu kita, dengan mak kita, dengan adik-beradik kita. Kita *nak* [hendak] keberkatan *tu* [itu]. Dan itulah, *kena* [perlu] sanggup menghadapi cabaran demi cabaranlah sebab kita tahu sekarang *ni* [ini] memang pelbagai cabaranlah pelajar perlu hadapi dan sanggup menghadapi perubahan dalam pendidikan, perlu mainkan peranan yang penting untuk menjayakan diri kita sebagai pelajar, sebagai anak yang cemerlang. Cemerlang dunia dan akhirat, itu yang kita *nak* [hendak]. *Okay* [Baiklah]. Itu *saja* [sahaja]. Ada soalan lagi? Hawa, Nurul Hashimah?

TAMAT BAHAGIAN 6

Rangkaian internet Hashimah terlalu perlahan. Video nya tidak bergerak.

- HW : Shimah [Hashimah]?
- CZ : Ada soalan lagi? *Line* [rangkaian] *tak* [tidak] elok ya?
- HW : Haah [ya] *Okay* [Baiklah] Hashimah *tak* [tidak] elok *tu* [itu] rasa. *Okay* [Baiklah] maka dengan ini tamatlah sesi perbualan kita pada hari ini mengenai latar belakang, sejarah pendidikan dan pengalaman puan sebagai seorang guru. Kami mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh puan.

Hashimah meninggalkan sesi temubual kerana rangkaiannya internetnya terlalu perlahan.

HW : ...dalam menyempurnakan wawancara pada hari ini. Sekian terima kasih.

CZ : *Okay* [Baiklah] sama-sama.

HW : Puan sebelum *tu* [itu] boleh kita ambil gambar *kejap* [sebentar] *tak* [tidak]?

CZ : Boleh.

HW : *Okay* [Baiklah] 1, 2, 3. *Dah* [Sudah]. *Okay* [Baiklah].

CZ : Ambil gambar bertigalah.

HW : Shimah [Hashimah] *dah* [sudah] *left* [keluar]. Shimah [Hashimah] *line* [rangkaian] *tak* [tidak] *okay* [bagus] rasanya. *Line* [rangkaian] Shimah [Hashimah] *tak okay* [tidak bagus].

CZ : *Okay* [Baiklah] ambil *dah* [sudah]?

HW : *Dah* [sudah] ambil *dah* [sudah]. *Okay* [Baiklah], terima kasih puan.

CZ : Sama-sama.

HW : Maaf ganggu puan cuti-cuti *ni* [ini].

CZ : Eh *tak* [tidak] apa. Biasalah bantu *kan* [bukan]. Kita *ni kena* [ini perlu] membantu.

HW : *Okay* [Baiklah] terima kasih banyak-banyak ya puan.

CZ : Ya sama-sama. Assalamualaikum.

HW : Waalaikumussalam.

Sesi temubual bersama Puan Zubaidah Mohaidin telah tamat.

RUJUKAN

- HJ Zulkipli Bin HJ Yaakob. (2009). Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Diambil daripada <https://zulprasekolah.blogspot.com/2009/>
- Zubaidah Mohaidin. (2020, Januari 17). Sumbangan Dan Peranan Seorang Guru. [Temubual].

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Nurul Hashimah dan Che Norlyhawa menemubual Puan Zubaidah Mohaidin, yang dilahirkan pada 1969, di Dungun, Terengganu. Temubual dijalankan menerusi platform Google Meet pada 17 Januari 2021. Temubual tersebut mengenai latar belakang dan pengalaman beliau sebagai seorang guru dari tahun 1993 hingga kini.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG		
1:15	Memberitahu tentang nama penuh beliau dan tempat asal serta tempat dibesarkan	Zubaidah binti Mohaidin Terengganu Kuantan, Pahang
1:26	Memberitahu tentang tahun lahir dan usia beliau	
1:37	Menceritakan tentang nama suami beliau, tempat asal serta umur	
1:56	Menceritakan tentang anak-anak beliau	
2:35	Menceritakan tentang tarikh lahir beliau	
2:59	Memberitahu bilangan adik-beradik beliau dan anak keberapa	
3:25	Memberitahu tentang prinsip hidup beliau	Membuat sesuai dengan terbaik, ikhlas, jujur dan jangan merasakan diri kita yang terbaik

BAHAGIAN 2 : LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

4:15	Menceritakan tentang pendidikan awal beliau	Sekolah Kebangsaan Pusat, Dungun Belajar selama 2 tahun pada tahun 1976 Pada tahun 1979, beliau pindah ke Kuantan Sekolah Kebangsaan Teruntum, Kuantan Belajar dari tahun 1979 hingga 1981
5:09	Menceritakan tentang pendidikan peringkat sekolah menengah	Bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Air Putih, Kuantan Pada tahun 1982 hingga 1986
5:26	Menceritakan tentang pendidikan di peringkat tingkatan 6	Bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Rahman Talib, Kuantan
5:41	Menceritakan tentang pendidikan di maktab perguruan	Maktab Perguruan Kuala Terengganu Dari tahun 1991 hingga 1993
6:06	Mula berkhidmat sebagai guru	Sekolah Kebangsaan Permatang Badak. Kuantan selama 28 tahun

6:54	Menceritakan tentang pendidikan di peringkat ijazah sarjana muda	Institut Perguruan Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis selama 3 tahun
7:09	Menceritakan tentang pendidikan di peringkat sarjana	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada tahun 2013
BAHAGIAN 3 : PENGALAMAN DALAM KERJAYA		
7:46	Menceritakan tentang minat menjadi seorang guru	Minat dari kecil
8:30	Menceritakan tentang pengalaman manis sebagai seorang guru	Anugerah johan Guru Inovatif Tokoh Guru Inovatif Seronok bersama kanak-kanak
10:56	Menceritakan tentang cabaran menjadi seorang guru	Kesihatan
12:09	Menceritakan tentang tatacara pengurusan sekolah	Pengurusan kurikulum Pengurusan fail dan rekod Pengurusan kewangan Pengurusan aset alih Pengurusan hal ehwal murid Pembantu pengurusan murid

BAHAGIAN 4 : SUMBANGAN		
17:47	Menerangkan tentang inovasi yang telah dihasilkan.	Nyanyi, Ingat, Baca, Tulis (NIBT)
20:50	Menyebut tentang teori-teori yang digunakan dalam menghasilkan inovasi NIBT.	Teori Piaget Teori David Teori Howard Gardner Teori Vygotsky
21:23	Menceritakan tentang bilangan inovasi yang telah dihasilkan.	Kaedah NIBT Huruf Kaedah NIBT Jawi Kaedah Menulis Mekanisma Kanak-kanak Mudahnya Membaca
21:50	Menceritakan tentang anugerah-anugerah yang diterima hasil daripada penghasilan inovasi NIBT.	Mudahnya membaca 2019 (Peringkat Antarabangsa) Johan Peringkat Kebangsaan Anugerah High Impact 2016 Kaedah Menulis Kanak-kanak 2020 (Peringkat Antarabangsa)
24:14	Menceritakan sedikit tentang pengalaman beliau sebagai guru berpengalaman.	Prasekolah
26:25	Menceritakan serba sedikit tentang kandungan program inovasi NIBT Nyanyi.	17 huruf besar 26 huruf kecil
29:21	Menerangkan tentang bagaimana beliau membantu guru dan pelajar prasekolah lain.	Jelajah Malaysia Sekolah Rendah Orang Asli Sekolah Bimbingan Jalinan

		Kasih
30:57	Menjelaskan cara beliau berkongsi inovasi yang dihasilkan dengan rakan guru yang lain.	Kursus Telegram
31:42	Memberitahu bahawa program NIBT juga digunakan untuk murid autism.	Sabah Serawak Jawa Barat, Indonesia
33:13	Menceritakan tentang anugerah yang pernah diterima.	Tokoh Guru Inovatif 2018 Pahang Anugerah Perkhidmatan Guru Cemerlang 2000, 2009, 2016 Anugerah Ikon Guru Pahang 2017 Anugerah Permata Prasekolah Anugerah Jasa Bakti 2012, 2013, 2015 Anugerah Princess Maha Chakri 2010, 2019
35:05	Menceritakan tentang Anugerah Princess Maha Chakri.	Thailand Maharaja
39:04	Menjelaskan perbezaan guru prasekolah dengan guru lain.	Agama Islam Whatsapp Ibu bapa

		Sains Matematik
BAHAGIAN 5 : CADANGAN		
41:27	Mencadangkan kreativiti dan inovasi sebagai cara meningkatkan kualiti pendidikan Malaysia.	Guru kreatif
44:35	Memberi nasihat kepada bakal guru sentiasa bersedia dengan sebarang perubahan dalam pendidikan.	Hawa Nurul Hashimah
BAHAGIAN 6 : HARAPAN		
47:42	Tokoh berhasrat untuk mendapat tempat 5 teratas dalam Global Teacher anugerah Princess Maha Chakri.	Anugerah Princess Maha Chakri Thailand Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
50:10	Tokoh menyentuh dari segi psikologi tentang sikap kanak-kanak yang kurang cecap dalam pembelajaran.	Prasekolah
54:43	Memberi nasihat buat para pelajar supaya sentiasa sabar dalam apa jua keadaan.	Ibu bapa Hawa Nurul Hashimah

DIARI KAJIAN

Tarikh	Masa	Tindakan
20 October 2020	2:00 – 3:00 pm	<ul style="list-style-type: none"> ○ Puan Nurulannisa memberi penerangan tentang tugas Sejarah Lisan untuk semester ini. ○ Tema yang dipilih adalah “Alumni FPM, UiTM 1968 – 1972”. ○ Kami diberi arahan untuk mencari calon panel yang sesuai untuk ditemuramah berdasarkan kriteria-kriteria yang diberi. ○ Kami perlu membuat pemilihan rakan untuk menjalankan tugas iaitu 2 orang. ○ Nurul Hashimah dan Norlyhawa telah bersetuju untuk bersama-sama menyiapkan tugas ini.
27 October 2020	2:00 – 3:00 pm	<ul style="list-style-type: none"> ○ Puan Nurulannisa memaklumkan tentang perubahan tema untuk tugas kami. ○ Tema baru yang telah dipilih adalah “Tokoh Tempatan” di Kelantan, Terengganu dan Pahang. ○ Kami menerima arahan untuk memilih tokoh-tokoh yang sesuai dan membuat abstrak tentang tokoh tersebut. ○ Pada awalnya Hashimah dan Hawa memilih seorang Tokoh Politik.
19 November 2020	2:00 pm	<ul style="list-style-type: none"> ○ Hashimah dan Hawa berbincang untuk mengubah tokoh mereka kerana Puan Nurulannisa memberitahu bahawa tokoh politik tidak digalakkan. ○ Kami bersetuju untuk memilih seorang Tokoh Pendidik di negeri Pahang iaitu Puan Zubaidah Mohaidin. ○ Pencarian maklumat tentang tokoh tersebut bermula
24 November 2020	10:30 am	<ul style="list-style-type: none"> ○ Kami mendapat kelulusan daripada Puan Nurulannisa untuk meneruskan kajian kami dengan tokoh tersebut.

25 November 2020	11:00 am	<ul style="list-style-type: none"> ○ Kami menghubungi SK Permatang Badak untuk mendapatkan nombor telefon Puan Zubaidah. ○ Setelah mendapat nombor telefon beliau, ○ Hashimah menghubungi beliau melalui whatsapp dan memberitahu tentang kajian ini. ○ Beliau bersetuju untuk memberi kerjasama dalam menyiapkan kajian ini.
26 November 2020	10:00 pm	<ul style="list-style-type: none"> ○ Kami menghantar kertas kerja dan persediaan awal.
7 December 2020	2:00 pm	<ul style="list-style-type: none"> ○ Kami menghantar soalan temubual.
15 December 2020	2:40 pm	<ul style="list-style-type: none"> ○ Kami membuat beberapa pembetulan kepada soalan temubual dan menghantarnya lagi. ○ Puan Nurulannisa memberi kelulusan untuk meneruskan kepada bahagian seterusnya
25 December 2020	2:30 pm	<ul style="list-style-type: none"> ○ Kami melakukan perbincangan bersama Puan Nurulannisa sebelum menjalankan temu bual bersama tokoh.
12 January 2021	2:00 pm	<ul style="list-style-type: none"> ○ Kami membuat temu janji bersama tokoh untuk menjalankan temubual
17 January 2021	4:00 – 5:00 pm	<ul style="list-style-type: none"> ○ Temu bual dijalankan
21 January 2021	8:00 pm	<ul style="list-style-type: none"> ○ Kami mula siapkan transkrip
1 February 2021	10:00pm	<ul style="list-style-type: none"> ○ Hantar transkrip ○ Hantar diari kajian ○ Hantar tajuk artikel
4 February 2021	9:00pm	<ul style="list-style-type: none"> ○ Hantar artikel berkenaan tokoh
18 February 2021	10:30pm	<ul style="list-style-type: none"> ○ Hantar transkrip lengkap.

INDEKS

A

Anugerah 11, 15, 20

Arus perdana 17

Aset 8

B

Bahagian Pendidikan Guru 13, 14

Benchmark 5, 16

G

Guru Inovatif 6, 15

Global 18, 20

H

High Impact 11

Huruf 10, 11, 12, 13, 14, 22

I

Inovasi 6, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 18

Inovatif 6, 15, 18, 19

Impak 10, 11, 12, 13

J

Jawi 10, 11, 13

K

Kanak-kanak 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 14, 16, 17, 23

Kemahiran 9, 10, 11, 18, 22

Kognitif 10

Kreatif 18, 19

Kurikulum Standard Prasekolah
Kebangsaan 2, 8

L

Literasi 10

M

Menyanyi 9, 10, 12, 16, 22

Murid 8, 11, 13, 14, 17, 18, 21, 22

Metodologi 18

Mekanisma 11

N

NIBT 9, 10, 11, 13, 15

Nazir 16

P

Prasekolah 7, 8, 12, 15, 17, 21, 22, 23

Posting 5

Pendidikan 4, 5, 6, 11, 13, 14, 17, 18, 19, 20, 24

Princess Maha Chakri 15, 20

Psikologi 21

R

Roadshow 13

T

Tokoh 6, 15, 22

Tesis 10

Teori Piaget 10

Teori David 10

Teori Howard Gardner 10

Teori Vygotsky 10

Telegram 14

Teknologi 18, 19

V

Veteran 19

W

Whatsapp 17